



UNIVERSITY COLLEGE BESTARI

Putera Jaya, Bandar Permaisuri,
22100 Setiu
Terengganu Darul Iman

[UC Bestari]

Tel: 09-6097 100/102
Laman Web: www.ucbestari.edu.my
Emel: Info@ucbestari.edu.my
Emel: ucbestari@gmail.com

Rujukan kami : UCB.UHEA/KONVO/11 (34)
Tarikh : 22 Ogos 2019

GRADUAN UNIVERSITY COLLEGE BESTARI

Program Asasi
Program Diploma
Program Sarjana Muda
Program Sarjana

Tuan/Puan,

MAJLIS KONVOKESYEN KE-6 UNIVERSITY COLLEGE BESTARI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Pihak pengurusan University College Bestari dengan sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas kejayaan tuan/puan dalam Program Sarjana, Sarjana Muda, Diploma dan Asasi University College Bestari. Sehubungan itu, Majlis Konvokesyen Ke-6 University College Bestari bagi pengurniaan ijazah Sarjana, Sarjana Muda, Diploma dan Asasi akan diadakan sebagaimana berikut:

Tarikh : 12hb Oktober 2019 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Pusat Konvensyen,
Taman Tamadun Islam,
Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Bersama ini dilampirkan keterangan penting mengenai majlis konvokesyen tersebut. Tuan/Puan diingatkan supaya membaca semua butiran keterangan tersebut dengan jelas dan teliti serta mematuhi semua peraturan dan prosedur mengenai majlis konvokesyen.

Borang Pengesahan Kehadiran hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Graduan sebelum atau pada 12hb September 2019. Manakala Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan dan Borang Pendaftaran Ahli Alumni hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Graduan semasa hari pengambilan jubah. Sebarang kemusykilan, sila hubungi Jawatankuasa Graduan, Majlis Konvokesyen Ke-6 University College Bestari (Puan Norawati Binti Muhamad/Puan Juriana Binti Ayob); Tel: 09-6097100/102 Faks: 09-6097106/107.

Semoga berada dalam makluman dan tindakan pihak tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(PROF. DR. SAKRI BIN IBRAHIM)

Naib Canselor,
University College Bestari,
Terengganu Darul Iman.

faks

AKADEMIK
09-609 7106

CANSELERI
09-609 7107

PENDAFTAR
09-609 7109

PEPERIKSAAN
09-609 7117